

**PEMAKLUMAN BERKENAAN BANTUAN KEWANGAN SEGERA KEPADA  
PELAJAR YANG TERKANDAS SEMASA MENJALANI LATIHAN INDUSTRI DALAM  
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Merujuk kepada perutusan khas YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2020 mengenai wabak Covid-19 yang telah memutuskan untuk melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 sehingga 28 April 2020 (Fasa 1 – Fasa 3) dan Pekeliling Pentadbiran UMP bil 4/2020 bertarikh 17 Mac 2020 dan pemakluman Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) bertarikh 18 Mac berkenaan pelajar yang sedang menjalani latihan industri dirujuk.

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) menyedari dan mengambil maklum terdapat sebahagian pelajar yang sedang menjalani latihan industri terkandas disebabkan oleh arahan pematuhan PKP tersebut. Hal ini telah mengakibatkan kesulitan kepada para pelajar terlibat.

Oleh yang demikian, hasil daripada kajian terhadap bilangan pelajar terkandas semasa sedang menjalani latihan industri, satu mesyuarat J/k Kebajikan Khas Covid-19 telah bersidang pada 17 April 2020 dan memutuskan:

- i. Meluluskan bantuan segera sebanyak **RM 200** kepada setiap pelajar yang terkandas berdasarkan maklumat dan data bancian yang telah dibuat.
- ii. Sumber kewangan adalah menggunakan tabung zakat (bagi pelajar Muslim) dan tabung kebajikan pelajar pra siswazah (bagi pelajar bukan Muslim)
- iii. Bayaran akan dikreditkan terus ke akaun pelajar dan diuruskan oleh Bendahari UMP pada kadar segera

Adalah diharapkan bantuan ini dapat digunakan sebaik mungkin bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh pelajar. Pihak JHEPA sentiasa prihatin dan mengambil berat mengenai kebajikan pelajar sama ada di dalam dan di luar kampus.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

*"Memasyarakatkan Teknologi"*

Saya yang menjalankan amanah, ▽



**(Profesor Dato' TS. Dr Yuserrie b. Zainuddin)**

Timbalan Naib Canselor

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh : 22 April 2020